

## **Setoi (Setul) Mambang Segara Dalam Lintasan Sejarah Negeri-Negeri Melayu Utara**

*Setoi (Setul) Mambang Segara in the glimpse of the history of  
Northern Malay States*

**Ahmad Jelani Halimi & Mohd Yusoff Mydin Pitchai**

*Universiti Utara Malaysia*

*ajelani@UUM.edu.my*

### **Abstrak**

Setoi atau Setol atau Satun merupakan wilayah negeri Kedah hingga ke Perjanjian Bangkok 1909. Pada mulanya ia ditadbirkan oleh para penghulu dan ketua-ketua kampung hingga Sultan Abdullah al-Mukarram Syah (1778-1797) mengangkat anakanda baginda Tunku Bisnu sebagai Raja Muda menguasai Perlis dan Setoi. Wilayah Setoi menjadi wilayah rasmi dengan kuasa autonomi apabila Rama II (1809-1821) melantik Tunku Bisnu sebagai rajanya. Setelah penaklukan Siam ke atas Kedah 1821-1830, Setoi dijadikan wilayah tersendiri walaupun secara tidak rasmi masih dianggap sebagai wilayah Kedah. Rama III mengangkat Tunku Muhamad putera kepada Raja Bisnu sebagai Raja Setoi (1843). Oleh kerana ketidakcekapan keturunan Tunku Muhamad memerintah, Sultan Abdul Hamid, Kedah melantik seorang pegawai dari Kedah, Ku Din bin Ku Meh menjadi pentadbir Setoi. Pelantikan beliau kemudian memperlihatkan kemusnahan kekuasaan kerajaan Kedah ke atas Setoi. Ku Din kemudian dilantik oleh King Chulalongkon sebagai raja Setoi dan kekal sebagai raja hingga 1916. Selepas itu Setoi/Setul atau Satun dalam bahasa Siam ditadbir terus oleh pihak Bangkok. Sejarah Setoi ini tidak banyak diceritakan hanya diperoleh daripada dua catatan sejarah iaitu *al Tarikh Salasilah Negeri Kedah* dan *Sejarah Negeri Setol* selain daripada cerita-cerita mulut atau sejarah lisan.

**Kata kunci :** *Setoi, Agama Islam, al-Tarikh Salsilah Negeri Kedah dan Prakya Aphay Nrach*

### **Abstract**

*Setoi or Setol or Satun was part of the territory of Kedah until the Treaty of Bangkok 1909. At the beginning Setoi was administrated by the penghulu or headmen appointed by the Sultan of Kedah until Sultan Abdullah al-Mukarram ayah (1778-1797) appointed his son, Tunku Bisnu, as Raja Muda to be in charge of Perlis and Setoi. Satoi than became an autonomous territory when Rama II (1809-1921) appointed Tunku Bisnu as the ruler of Setoi. When Siam conquered Kedah in 1821-1830, Setoi became a part of Siamese territory although it was still recognized as a*

*district of Kedah. Rama III then appointed Tunku Muhammad, the son of Raja Bisnu as the raja of Setoi in 1843. Because of the inability of the successor of Tunku Muhammad to rule, Sultan Abdul Hamid of Kedah then appointed an administrator from Kedah by the named Ku Din bin Ku Meh to take care of the administration of the state. The appointment of Ku Din had caused the decline of the Kedah's power in Setoi. Ku Din was later appointed by King Chulalongkon (Rama IV) as the raja of Setoi and remained as the raja until 1916. After that Setoi or Satun in the Siamese language was administrated directly by the Bangkok government. The history of Satun were not much told in history books accept from two sources, al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah and Sejarah Negeri Setoi and some oral stories which was told through oral history.*

**Keywords :** *Setoi, Agama Islam, al-Tarikh Salsilah Negeri Kedah and Prakya Aphay Nrach*

## **Pengenalan**

*Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* mencatatkan;

*“Hatta dalam hal yang demikian disebut oranglah negeri Qalha (Kedah) yang terdiri dari Kuala Qilah (Kuala Merbuk), Kuala Bahang (Kuala Kedah), Kuala Merpah dan Kuala Bara ...”* (Muhammad Hassan bin Tok Kerani Muhammad Arshad:1968)

Begitu luasnya negeri Kedah pada mula asalnya, menganjur dari selatan Salang (Puket) hinggalah ke perbatasan negeri Perak. Malah dalam zaman pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainul Adilin Syah (1710-1778) wilayah Kedah meliputi Ujung Salang (Jung Ceylon) hinggalah ke Kerian di Perak. Tempat yang dikatakan Kuala Merpah dan Kuala Bara itu terletak dalam wilayah Setoi/Setul yang kini berada dalam wilayah Satun, Thailand. Sebagai sebuah negeri Melayu yang terletak di utara Semenanjung, sejarah dan nasibnya berkait rapat dengan Negeri-Negeri Melayu Utara Semenanjung. Walaupun kini ia berada dalam wilayah Thailand, pahit getir yang dilaluinya dalam sejarah tidak banyak bezanya dengan apa yang dialami oleh negeri-negeri Melayu utara yang pernah dijajahi Siam seperti Kedah, Patani, Naratiwat dan Yala. Asal mulanya ia adalah wilayah Kedah yang terkeutara, namun kerana perbalahan dan perebutan kuasa dalam kerajaan Kedah dan ketidak perhatian penjajah British, wilayah itu terlepas ke tangan Thailand. Wilayah yang dahulunya di bawah kedaulatan kesultanan Melayu, kini menjadi wilayah negara Thai di Semenanjung. Walaupun majoriti penduduknya masih orang Melayu dan beragama Islam, namun sebahagian besar daripada mereka tidak lagi dapat berbahasa Melayu. Mengikut Abdullah Long Puteh (1958), banci tahun 1957 menunjukkan penduduk wilayah Setul berjumlah 60,040 orang yang 95% daripadanya beragama Islam. Namun hari ini, peratusan penduduk Islam di Satun hanya 67.8%, manakala penduduk yang beragama Buddha 31.9%.

Dalam zaman moden ini Setul/Satun merupakan salah satu daripada provinsi Thailand di selatan. Ia bersempadankan negeri Perlis dan Kedah (Malaysia) di selatan dan wilayah Songkla/Senggora (Thailand) di timur. Di baratnya, terbentang Laut Andaman dan Teluk Benggala. Oleh kerana kedudukannya yang berhadapan dengan laut luas dan kesibukan pelabuhannya dengan perahu dan kapal-kapal dagang pada zaman kesultannya, negeri itu digelar negeri Setul Mambang Segara yang bermaksud Setul Mambang (Dewa) Laut. Dalam

masa yang sama wilayah-wilayah Kedah yang lain yang diceraikan daripada wilayah pusat Saiburi oleh Siam selepas tahun 1839 mempunyai gelarannya sendiri : Kubang Pasu – Darulqiyam; Perlis – Indra Kayangan. Keluasannya lebih kurang 3086km persegi. Keluasan ini termasuklah pulau-pulau yang berada di sekitarnya.

Dalam zaman pentadbiran Francis Light di Pulau Pinang wilayah ini belum cukup terkenal. Kelihatannya tiada surat menyurat di antara pedagang atau pembesar dari wilayah itu dengan Francis Light, tidak seperti penggawa Pulau Talebang yang sering berhubungan dengan Pulau Pinang dan Kedah. Setul mula menampakkan dirinya dalam sejarah Negeri-Negeri Melayu Utara setelah kemangkatan Sultan Abdullah al-Mukarram Syah (1778-1797).

Dalam membicarakan tentang sejarah negeri Setul ini, kita terpaksa bergantung kepada beberapa buah dokumen sahaja khususnya dua buah buku lama yang mengisahkan serba sedikit tentang negeri itu iaitu *al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* karangan Muhd Hassan bin Tok Kerani Muhd Arshad dan *Sejarah Negeri Setul* tulisan Enche' Abdullah Long Puteh. *Al-Tarikh* mengisahkan sejarah negeri Kedah dari peringkat awal hinggalah ke abad kedua puluh. Ia ditulis oleh Setiausaha Sulit Sultan Abdul Hamid Halim Syah (1881-1943) berpandukan sumber-sumber Melayu Kedah. *Sejarah Negeri Setul* pula ditulis oleh seorang pembesar Setul dari keturunan Melayu Setul berpandukan sumber Siam. Beliau pernah menjadi wakil rakyat Setul di parlimen Thailand dan Menteri Kesihatan Thailand. Di samping itu tulisan asalnya adalah dalam bahasa Siam. Buku ini diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Wan Adnan bin Wan Long seorang guru bahasa Melayu di Setul untuk Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah.

### **Sejarah Kebangkitan Setul sebagai sebuah negeri.**

Setelah kemangkatan Sultan Abdullah al-Mukarram Syah pada tahun 1797, baginda digantikan oleh anakandanya Tunku Pangeran sebagai Sultan Kedah yang ke-21 dengan gelaran Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah (1797-1843). Perlantikan Tunku Pangeran sebagai sultan Kedah telah diiktiraf oleh pihak Siam yang ketika itu berada di bawah pemerintahan King Rama I – *King Buddha Yodfa Chulalok The Great* (1786-1809). Dalam masa yang sama, seorang lagi putera Sultan Abdullah, Tunku Bisnu adinda seayah seibu Tunku Pangeran dilantik menjadi Raja Muda. Akan tetapi oleh kerana ketidakpuasan hati Tunku Bisnu tentang pengagihan kawasan pemerintahannya, mula timbul pertelagahan dalam istana Kedah. Di samping itu mengikut Wan Samsuddin, pertelagahan ini adalah juga kerana berebutkan wang bayaran pajakan Pulau Pinang oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) yang berjumlah selaksa riyal (Ringgit Spanyol 10,000) itu (Wan Samsuddin:1985). Perbalahan ini kemudian diselesaikan oleh Rama II (1809-1821) - *Prakbat Somded Prak Phood Talek Lan Phalai* pada tahun 1813 dengan melantik Tunku Bisnu sebagai pemerintah di Setul dengan gelaran *Prakya Aphay Nrach* dan menempatkan adinda baginda seayah Tunku Ibrahim sebagai Raja Muda. Dengan itu Setul dijadikan salah sebuah mukim wilayah negeri Saiburi (Kedah). Pelantikan Tunku Bisnu ini disokong kuat oleh gabenor Singgora (Songkla).

Walaupun Tunku Bisnu dilantik menjadi raja di Setul, namun baginda dikatakan tidak senang tinggal di sana. Baginda sering berulang alik di antara Setul dengan Kedah dan menyerahkan pengutipan cukai kepada seorang tauke Cina secara pajak. Dikatakan juga baginda langsung tidak mepedulikan pemerintahan dan pembangunan negeri. Segala urusan negeri diserahkan kepada seorang pegawai yang bernama Dato' Wan Abdullah. Tunku Bisnu hanya memerintah Setul selama lebih kurang 2 tahun. Baginda mangkat di Kedah (Saiburi) sekitar tahun 1815 (Abdullah Long Puteh:1958). Andaian Abdullah Long Puteh ini kelihatan kurang

meyakinkan kerana jika mengikut pengarang *Syair Sultan Maulana*, Tunku Bisnu merupakan seorang pemerintah yang berkebolehan dan rapat dengan rakyat Setul. Baginda dikatakan memimpin tentera Kedah dalam kalangan rakyat Setul semasa perang menentang orang Burma di Salang.

Syair itu mencatatkan:  
*Dari Setul pun datang angkatan  
Tujuan haluan yang kelihatan  
Perahunya kembar berikat rotan  
Senjatanya rentaka besi karatan.*

*Tunku Bisnu raja bistari  
Sepucuk surat pula diberi  
Angkatan yang tujuh seperi  
Kepada wazir diserahkan diri.*

...  
*Tunku Bisnu raja yang mulia  
Bangatnya itu kurang percaya  
Pada pekerjaan dimanakan jaya  
Diberikan senjata jadi sia-sia.*

(Mohd Yusoff Hashim(ed):1980)

Di samping itu, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, tidak mencatatkan yang Tunku Bisnu mangkat setelah dua tahun memerintah Setul. Baginda dikatakan mangkat sama tahun dengan kemangkatan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II (1797-1843) iaitu pada tahun 1843 (10 Jamadil Akhir 1259H) (Muhd Hassan bin Tok Kerani Muhd Arshad:1968). Baginda dikatakan mangkat di Kota Mambang Segara, Setul bukan di Saiburi seperti yang didakwa oleh Abdullah. Dicapitkan juga oleh *Al-Tarikh* bahawa Tunku Bisnu mengiringi Tunku Anum ke Bangkok pada tahun 1839 bagi merundingkan hal pengembalian takhta Kedah kepada kerabat diraja Kedah. Ketidaksamaan fakta dalam *al-Tarikh* dengan *Sejarah Setul* ini agak membingungkan. Buat masa ini masih tiada penyelidikan dijalankan bagi mendapatkan kepastian cerita yang sebenar.

Oleh kerana kemangkatan Raja Bisnu adalah selepas tahta Kedah kembali ke tangan Sultan Ahmad Tajuddin, maka penggantinya Tunku Muhammad Akib putera Tunku Bisnu diangkat dengan kehendak Sultan Kedah ketika itu, Sultan Zainal Rashid (1843-1854). Namun demikian, jika mengikut catatan Abdullah Long Puteh, Tunku Muhammad Akib diangkat oleh Maharaja Siam ketika itu, Rama III (1824-1851) setelah 18 tahun Setul tak beraja. Abdullah juga mencatatkan bahawa pada tahun 1851 Sultan Ahmad Tajuddin (Tunku Pengeran) masih hidup sedangkan catatan rasmi Kedah mencatatkan bahawa Sultan Ahmad Tajuddin itu mangkat pada tahun 1843 dan digantikan oleh puteranya Raja Abdullah (Tuanku Zainal Rashid Mua'zam Syah I – 1843-1854) (Lembaga Perpustakaan Awam Kedah; *web Raja Kita*). Kekeliruan ini berlaku kerana Abdullah tidak mengetahui dengan jelas genealogy Kesultanan Kedah. Sebenarnya terdapat 3 orang sultan Kedah yang bernama Sultan Ahmad Tajuddin:

Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah I	(1706-1709) – Sultan Kedah ke-18.
Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II	(1797-1843) – Sultan Kedah ke-21.

Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1854-1879) – Sultan Kedah ke-23.

Tunku Pangeran yang dikatakan oleh Abdullah itu bukanlah Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah (1854-1879), tetapi Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II (1797-1843) iaitu putera kepada Sultan Abdullah Mukarram Syah (1778-1797). Dengan itu baru dapat dilihat dengan jelas perjalanan sejarah Kedah dan Setul ini. Di samping itu Sultan yang bergelar Sultan Zainal Rashid itu juga ada dua orang; Sultan Zainal Rashid al-Mu'adzam Syah I (1843-1854) ; Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Syah II (1879-1881). Oleh itu dapat difahami yang membawa rombongan Saiburi ke Bangkok diceritakan oleh *al-Tarikh* itu pastilah Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Syah I, iaitu ketika baru lepas sahaja penyerahan kembali wilayah-wilayah Saiburi itu kepada kerabat diraja Kedah.

Dikatakan oleh *Sejarah Negeri Setul*, selepas kemangkatan Tunku Bisnu sekitar 1815, tiada raja baru yang dilantik oleh pihak Siam mahupun pihak Kedah. Di samping itu perhubungan antara Bangkok dengan Kedah semakin tegang. Kedua kisah (buku) itu mencatatkan bahawa perbalahan dalam istana yang menjadi punca pertikaian, namun Abdullah tidak mencatatkan nama putera-putera Kedah yang berbalah itu. Akan tetapi, *al-Tarikh* menceritakan dengan jelas tentang perbalahan itu. Perbalahan itu memberi kesempatan kepada pihak Siam untuk masuk menyerang Kedah. Dikatakan keengganan Sultan Ahmad Tajuddin Syah II (1797-1843) mengangkat Tunku Embun (Tunku Yaakub) sebagai Raja Kayang (Perlis) dan Setul menyebabkan adinda baginda itu berpaling tadah dan meminta bantuan daripada gabenor Ligor (Nakon Sri Thammarat) bagi menggulingkan kerajaan kekandanya. Pertelingkahan ini akhirnya membawa kepada penaklukan Kedah oleh Siam dari sekitar 1821 hingga 1839. Sultan Ahmad Tajuddin terpaksa melarikan dirinya ke Pulau Pinang dan kemudian ditempatkan oleh British di Melaka.

Dalam kebangkitan orang Kedah menentang penjajahan Siam kemudiannya, masyarakat Setul terlibat sama. Justeru itu banyak perhatian diberikan kepada Setul. Salah seorang pembesarnya Dato' Wan Mad Ali (Dato' Setia Sengkara) menjadi salah seorang panglima perang Kedah yang bangun menentang Siam. Beliau ditugaskan memimpin angkatan Kedah menyerang Trang, Karabi dan Pulau Panjang. Setelah kebangkitan ini dapat dipatahkan oleh pihak Siam, Dato' Setia Sengkara Wan Mad Ali membawa lebih kurang 100 keluarga orang Setul berpindah ke Pulau Langkawi.

Mengikut *Sejarah Negeri Setul*, setelah kekalahan itu, Kedah (Saiburi) dibahagi tiga oleh pihak Siam, iaitu Setul, Perlis dan Kedah (Saiburi). Akan tetapi Mohd Hassan menyatakan bahawa Kedah/Saiburi terbahagi kepada empat bahagian, Kubang Pasu, Perlis, Setul dan Saiburi (Kedah). Abdullah memberi alasan bahawa negeri itu dipecahkan menjadi daerah yang lebih kecil bagi mengelakkan Kedah menjadi kuat dan bangun kembali memberontak. Beliau menegaskan:

“... Oleh kerana yang utama yang bersalahan dan perbezaan antara Ugama Hak2 Adat Resam dan Istiadat sesuatu gulungan tempat itu-lah yang memberi antara 2 puak ini terjadi perselesahan hati tidak mempercayai, dan apa2 pon menjadi shak menshakki belaka tidak berhabisan, di masa itu Negeri Saiburi mempunyai kawasan yang luas lebar boleh jadi akan berbangkit derhaka dengan senang dan mudah oleh kerana kebiasaan orang Melayu suka dudok jadi berpuak2 dan berkumpul2 kata apa saja semua mengikut kata itu bersandar dengan Ugama dan percampuran kaum jadi jaminan. Oleh itu patut di-kurangkan kuasa Melayu dengan di-belah bagi Negeri Besar jadi Negeri Kecil2 dan mengangkat bagi ada Raja Negeri tiap2 buah

*Negeri seperti (Negeri Patani) hingga jatuh turun belah jadi Negeri Saiburi itu jadi 3 buah Negeri ia-itu :- ...”* (Abdullah Long Puteh;1958)

Dalam pembahagian itu Setul diangkat menjadi sebuah negeri tersendiri, Negeri Setul. Pihak Siam menempatkan Tunku Muhammad Akib putera Tunku Bisu sebagai raja Setul. Baginda dianugerahkan gelaran *Prakya Apha Inrach Chatrai Pakdi Sri Antra Wikyaya Prakia Saton*. Jika dakwaan ini benar maka raja Siam yang mengangkat Tunku Muhammad Akib itu ialah Rama III, King Nangklao (1824-1851). Oleh itu kemungkinan besar peristiwa itu berlaku pada tahun 1833. Namun begitu sekiranya Tunku Muhamad Akib itu diangkat pada tahun 1843, iaitu setelah kemangkatan ayahndanya Tunku Bisnu (*Al-Tarikh ...*), raja Thai yang mengangkatnya itu masih juga raja yang sama, Rama III.

Pada tahun 1843, Sultan Kedah, Sultan Zainal Rashid membawa satu rombongan ke istana maharaja Siam di Bangkok. Rombongan itu terdiri daripada Tunku Anum pemerintah Kubang Pasu, Syied Hussin pemerintah Perlis dan Tunku Muhammad Akib pemerintah Setul. Rombongan ini mengadap Rama III untuk mengaku taat setia kepada Kerajaan Siam. Rama III kemudiannya membenarkan setiap negeri mempersembahkan bunga emas dan bunga perak secara berasingan setiap tiga tahun sekali. Sebelumnya bunga emas hanya dikirim dari Saiburi(Kedah), kerana ketiga wilayah tadi, Kubang Pasu, Perlis dan Setul dianggap sebagai wilayah atau jajahan Kedah. Dengan kebenaran yang diberikan oleh Rama III maka bermulalah pepecahan yang jelas bagi negeri Kedah. Kedah yang dahulunya satu dari Setul hingga ke Kerian kini terbahagi kepada empat bahagian yang nyata. Namun demikian ketiga-tiga wilayah itu masih dianggap sebagai wilayah Kedah oleh pihak Siam Di samping itu Rama III juga menganugerahi setiap seorang daripada pemimpin itu gelaran *Phya/Prakya* yang bermaksud Raja. Tindakan Rama III ini seolah-olah merasmikan perpecahan negeri-negeri itu.

Walaupun negeri-negeri itu terpisah, namun perhubungan antara keempat-empatnya masih kukuh dan baik dari segi kekeluargaan mahupun perdagangan. Contohnya Tunku Anum, Kubang Pasu telah mengahwinkan cucunda baginda Tunku Jahara dengan Tunku Ahmad, putera Tunku Muhammad Akib. Di samping itu pada tahun 1904 Sultan Abdul Hamid Halim Syah (1881-1943) pula mengahwinkan puterinya Tunku Jura dengan Syied Zahir, cucunda Tunku Ismail, Raja Setul (Muhd Hassan bin Tok Kerani Muhd Arshad: 1968).

### **Tamatnya Kerajaan Beraja Setol**

Abad ke-19 merupakan abad pancaroba bagi seluruh negeri Melayu di Semenanjung. Gerakan mara pihak penjajah semakin giat di seluruh Asia Tenggara. British mula menguasai satu lepas satu wilayah di Semenanjung khususnya selepas 1874, begitu juga Belanda di Indonesia dan Perancis di Indo-China. Dalam keadaan yang begini pihak Siam mula kecut perut dan cuba mempertahankan wilayahnya seberapa yang boleh. Dengan kepintaran dan kebijaksanaan Rama IV (King Mongkut) dan Rama V (King Chulalongkorn), secara diplomatik Siam dapat mempertahankan wilayahnya daripada dikusai oleh pihak penjajah itu. Walaupun Siam kehilangan beberapa wilayah takluknya kepada Perancis dan British, namun ia dapat mengekalkan kemerdekaannya. Dalam usaha untuk mengekalkan wilayahnya, Siam berusaha untuk menunjukkan kepada dunia bahawa ia adalah sebuah negara moden, juteru tidak perlu dijajah untuk dipermodenkan. Oleh kerana itu, Bangkok berusaha membawa permodenan ke seluruh wilayahnya termasuk ke negeri-negeri Melayu di selatan. Oleh kerana itu lebih ramai pegawai dari Bangkok dihantar ke negeri-negeri selatan bagi menjalankan pentadbiran dan membangunkan wilayah tersebut bagi memodenkannya. Di samping itu Bangkok juga mendesak

pemerintah tempatan supaya berusaha membangunkan negeri/wilayah mereka. Dalam kemelut politik dunia inilah Setul dan Negeri-Negeri Melayu Utara menjadi buah catornya.

Setelah kemangkatan Tunku Muhammad Akib pada tahun 1876, baginda digantikan oleh anakandanya Tunku Ismail – *Prakya Aphainrrach* (1876-1884). Abdullah mencatatkan bahawa pemerintahan Tunku Ismail ini agak lemah hingga menyebabkan berlaku pertelingkahan antara ahli keluarganya. Perkara ini menyebabkan saudaranya Tunku Muhammad meninggalkan Setul dan membuka negeri di Langu. Namun demikian terdapat juga sedikit sebanyak pembangunan yang dijalankan oleh baginda di Setul; umpamanya membina kembali kota dan balai penghadapan, membina beberapa batang jalan raya, memperbaiki pelabuhan dan meluruskan sungai. Selain daripada itu pada zaman baginda dibina penjara yang diperbuat daripada batu bata, membesarkan makamah, menghubungkan perkhidmatan telegraf hingga ke Perlis dan perkhidmatan pos.

Tunku Ismail memerintah Setul selama 9 tahun dan mangkat pada tahun 1304H (1884). Baginda digantikan oleh anakandanya Tunku Abdul Rahman sebagai raja Setul. Adinda Tunku Ismail, Tunku Muhammad dilantik sebagai Raja Muda. Tunku Abdul Rahman kemudiannya dianugerahkan gelaran *Prakya Aphai Nurach Chatrai Pakdi Sri Indra Wikyaya Prakya Satol* oleh Rama V, King Chulalongkorn (1868-1910). Dalam zaman Tunku Abdul Rahman ini juga terdapat sedikit sebanyak pembangunan. Namun demikian pembangunan itu hanya berlaku di sekitar ibu kota. Baginda hanya sempat memerintah Setul selama 10 tahun. Selepas itu baginda menjadi kurang siaman hingga menyebabkan Sultan Abdul Hamid, Sultan Kedah yang dilantik oleh King Chulalongkorn sebagai Penguasa Pesuruhjaya (*Khalung Thesaphiban*) pada tahun 1892 bagi Perlis dan Setul terpaksa menghantar seorang pegawai Melayu dari Kedah untuk membantu menjalankan pentadbiran Setul. Beliau ialah Ku Din bin Ku Meh, yang kemudian dikenali sebagai Tunku Baharuddin bin Ku Meh bekas komandan penjara di Alor Setar. Tunku Abdul Rahman mangkat pada tahun 1897 tanpa meninggalkan putera bagi menggantinya.

Perlantikan Ku Din ini membawa era baru dalam sejarah Setul. Walaupun beliau seorang yang berkebolehan namun beliau tidak disukai oleh rakyat Setul kerana beliau bukan dari darah keturunan raja-raja Setul. Tunku Muhammad, Raja Muda Setul, adinda kepada Tunku Abdul Rahman yang sepatutnya diangkat menjadi raja tidak diperkenankan oleh pihak Saiburi. Setelah lebih kurang dua tiga bulan Ku Din bin Ku Meh menjalankan pentadbiran negeri itu barulah Tunku Muhammad diperkenankan membantu Ku Din dalam mentadbir negeri. Hal yang demikian ini membawa kemarahan dan kekecewaan kepada Tunku Muhammad. Walaupun Tunku Muhammad sering mengadu ke Bangkok tentang haknya menjadi raja, akan tetapi oleh kerana kepintaran politik Ku Din, rayuan dan aduannya itu tidak dipertimbangkan oleh pegawai-pegawai Thai yang bertanggungjawab.

Mengikut Abdullah, kelicikan Ku Din berpolitik dan kejayaan beliau membangunkan Setul dalam masa yang singkat seperti pembangunan yang berjalan di Saiburi, menyebabkan beliau memperoleh kepercayaan kerajaan Bangkok. Beliau juga banyak membuat kawan dengan pegawai-pegawai Thai yang bertanggungjawab tentang hal-hal negeri di selatan. Justeru segala aduan yang dikemukakan oleh Tunku Muhammad tidak mendapat perhatian langsung. Semasa beliau dilantik oleh Sultan Abdul Hamid, Kedah sebagai pentadbir Setul, jawatan beliau hanyalah sebagai penolong atau pembantu Raja Setul, akan tetapi setelah beliau dapat menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam membangunkan Setul, akhirnya kerajaan Bangkok mengangkatnya sebagai Pesuruhjaya Tinggi pada tahun 1320H. Semenjak itu, mengikut Abdullah beliau menukarkan namanya kepada Tunku Baharuddin bin Ku Meh. Beliau diberi gelaran oleh kerajaan Thai sebagai *Luang Intrawichai*.

Setelah menjadi Pesuruhjaya Tinggi, Ku Din mula bertindak lebih agresif untuk mendekati dirinya dengan kerajaan di Bangkok. Walaupun Rama III memberi kebenaran kepada Setul dan Perlis menghantar bunga emas secara persendirian ke Bangkok, akan tetapi bunga itu masih di hantar melalui Saiburi kerana semasa pengangkatan Sultan Abdul Hamid Halim Syah (1881-1943) kerajaan Thai mengiktiraf Perlis dan Setul sebagai wilayah Kedah. Tindakan Ku Din menghantar terus bunga emas dan laporan-laporan mengenai Setul ke Bangkok menimbulkan kemarahan pihak Saiburi. Justeru itu dikatakan Ku Din tidak lagi berani pergi ke Saiburi dan perhubungan antara Setul dengan Saiburi mula renggang. Namun demikian melalui perantaraan permaisuri Kedah, Che Ampuan Manyalara, perhubungan itu kembali pulih (Abdullah Long Puteh). Dalam masa pentadiran Ku Din, pelbagai pembangunan dijalankan di Setul. Perdagangan dan pertanian juga meningkat. Ku Din sendiri membeli sebuah kapal wab atas nama kerajaan Setul bagi mengangkut barang dagangan pergi balik ke Pulau Pinang. Kapal itu dinamakannya *Kapal Mambang* (Abdullah Long Putih;1958)

Beberapa jabatan dan jawatan baru juga diperkenalkan, termasuklah jawatan Pegawai Hal-Ehwal Tempatan, Ketua Pegawai Pelajaran, Pengetua Sekolah Melayu, Kapitan Cina, Pegawai Pemberian dan Perkhidmatan Diraja, Ketua Mahkamah dan Hakim, Kadzi, Ketua Pegawai Perubatan, Ketua Pegawai Polis, Juru Audit, Jurubahasa dan beberapa jabatan lain. Di samping itu Ku Din juga memperbaiki perkhidmatan polis Setul dengan merekrut 36 orang anggota polis dari keturunan Punjab yang lengkap bersenjata api. Di samping itu Ku Din juga memperkenalkan uniform bagi pegawai kerajaan Setul dengan tanda-tanda pengenalan tertentu. Pada tahun 1902 beliau mengisytiharkan dirinya sebagai raja Setul. Pengisytiharannya ini disokong oleh pegawai-pegawai Thai yang bertanggungjawab ke atas negeri-negeri selatan. Justeru itu kerajaan Thailand mengiktirafnya. Beliau kemudian dianugerahi gelaran *Prakya Puminat Pakoi*. Atas jasanya memajukan Setul, beliau dianugerah beberapa pingat dan gelaran oleh kerajaan Bangkok, antaranya *Prakya Intrawikchai* dan *Phya Phumunart Pakdi*.

Walaupun pada tahun 1892, kerajaan Bangkok memberi hak kepada Kedah ke atas wilayah Setul, tetapi kemudian hak itu ditarik balik beransur-ansur hingga pada tahun 1902 kelihatan Ku Din bebas memerintah secara sendiri tanpa pengawasan Kedah dan bantun Raja Muda lagi. Kuasa kerajaan Kedah (Saiburi) ke atas Setul tamat dengan tertada tangannya Perjanjian Bangkok 1909 antara Siam dengan Britain. Setul diisytiharkan sebagai wilayah Siam. Ku Din atau Tunku Baharuddin bersara dari jawatannya dalam tahun 1916, iaitu setelah 6 tahun selepas kedaulatan Satul diserahkan kepada pihak Siam. Dari kaca mata Kedah, Tunku Baharuddin adalah seorang penderhaka manakala dari kaca mata Bangkok beliau adalah seorang patriot dan raja yang sangat berjasa kepada negara Siam. Justeru itulah beliau dianugerahi gelaran *Phya Phuminart Pakdi – Raja Yang Berbakti*.

Setelah Tunku Baharuddin bersara, pihak Thai tidak lagi melantik raja baru untuk Setul. Beliau digantikan oleh seorang Pesuruhjaya Tinggi yang didatangkan dari Bangkok, iaitu Prak Khoja Ishak yang kemudian bergelar *Prakya Sman Trad Qurint*. Dikatakan oleh *Sejarah Negeri Setul*, di bawah pentadbiran beliau negeri Setul terus maju dan agama Islam terus terpelihara. Pada masa inilah seorang Khadi Besar - Dato' Yutilam dilantik untuk Setul. Di samping itu, perkhidmatan jalan keretapi diperluaskan lagi. Namun demikian pada masa ini jugalah bahasa Thai mula digunapakai sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah kerajaan di Setul. Permulaan ini akhirnya membawa kepada pupusnya bahasa Melayu di wilayah itu. Hari ini tidak ramai lagi masyarakat Melayu Setul yang boleh bertutur bahasa Melayu.



## Setol dalam Perjanjian Bangkok 1909

Dalam kemelut antara bangsa pada awal abad ke-20 itu, bukan sahaja pihak Thai berasa cemas wilayahnya akan jatuh ke tangan penjajah Barat, malah pihak British juga berasa kurang senang melihat Negara Thai yang merdeka kerana takut negara itu akan dikuasai oleh kuasa Eropah yang lain. Kehadiran Jerman di Terengganu untuk mendapatkan konsesi menggusarkannya di samping keadaan kewangan yang kurang sihat di Kedah dan Perlis boleh mengundang kuasa-kuasa lain masuk campur. Ugutan Robert Duff melalui syarikatnya *Duff Company* di Kelantan untuk berbincang dengan kuasa asing jika British tidak mahu meluaskan pengaruh di Kelantan juga merunsingkan Britain. British tidak mahu kuasa-kuasa Eropah lain bertapak di Semenanjung khususnya di Negeri-negeri Melayu Utara. Justeru usaha perlu dilakukan dengan segera supaya Negeri-negeri Melayu Utara itu dapat digabungkan dengan Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang menerima perwakilan British dalam pentadbirannya.

Dalam masa yang sama, British juga takut pihak Siam akan menyerahkan lebih banyak kawasan lagi kepada Perancis termasuk wilayah-wilayah yang berada di selatan. Berdasarkan Perjanjian 1904 dan 1907, Thailand menyerahkan kawasan seluas lebih kurang 20,000 kilometer persegi di timur laut dan timurnya yang meliputi Laos dan Kemboja kepada Perancis. Justeru itu British cuba menuntut supaya pihak Thai bersetuju untuk menyerahkan Negeri-Negeri Melayu Utara kepada British sebagai bayaran wang pendahuluan yang diberikan oleh Britain kepada Thailand untuk kegunaan Kelantan dan Kedah. Hal yang demikian ini disuarakan oleh Menteri British di Bangkok, Ralph Paget. Beliau menyatakan:

*“If we make similar concessions as to jurisdiction we should insist on Siam surrendering her claims to the States in the North of the Malay Peninsular on our repaying the advance which she has made to Kelantan and Kedah.”* (C.O., 273/330, telegram Paget kepada John Anderson, 27 Mac 1907)

Namun demikian pihak Siam sudah tidak mampu lagi untuk memberi lebih banyak wilayahnya kepada kuasa asing. Walaupun demikian pihak British terus mendesak Siam supaya menyerahkan beberapa bahagian negeri Melayu itu kepadanya. Kesempatan datang apabila kerajaan Siam minta berunding dengan Britain untuk menghapuskan beberapa perjanjian berat sebelah yang ditanda tangan antara Siam dengan Britain sebelumnya termasuk Perjanjian Rahsia 1897 dan Perjanjian Britain-Perancis 1896. E.H Strobel, Pegawai Hal Ekhwal Luar kerajaan Siam memaklumkan bahawa beliau akan mempengaruhi kerajaan Siam untuk menyerahkan Negeri-Negeri Melayu Utara itu kepada British sekiranya Britain bersetuju untuk membatalkan perjanjian-perjanjian itu. Menurut Strobel, beliau lebih suka Siam hanya mengekalkan kuasanya ke atas negeri-negeri yang boleh dikuasainya secara efektif (F.O.,422/62, Paget kepada Grey.). Justeru negeri-negeri Melayu yang jauh di selatan hanya menyusahkannya sahaja di samping tidak mendatangkan hasil yang banyak kepada perbendaharaan Bangkok, maka ada kemungkinan besar ia akan melepaskannya sekiranya British mendesak.

Pada 1 Julai 1907, Strobel mengemukakan cadangan tersebut kepada Menteri British di Siam, Ralph Paget. Antara lain beliau menyatakan:

*“The progress of Siam has been of late years that I think the time has arrived when this Government may look forward to more control over its own affairs and to less interference from*

*without to obtain such control is, in my opinion, well worth the sacrifice of territory over which the Government does not exercise effective control, and about which question of difficulty may rise. In pursuance, therefore of such policy of which the late treaty with France is an example, I should be willing to propose to the Siamese Government the cession to Great Britain of the states of Kelantan, Terengganu and Kedah, provided that the British Government would be willing to make the following concessions: the abrogating of Secret Agreement of 1897 and the giving yield by France by the treaty of 23<sup>rd</sup> March this year.”* (F.O., 422/61) ; Strobel kpd. Paget).

Kelihatan dalam cadangan yang dikemukakan oleh Strobel itu tidak termasuk Perlis dan Setul. Namun demikian, apabila cadangan itu dikemukakan kepada Ralph Paget, beliau mencadangkan supaya dimasukkan juga Perlis, Reman dan Setul (F.O., 422/61, Paget kepada Grey, 29 April 1907. Cadangan Paget ini disokong oleh John Anderson dan Setiausaha bagi Urusan Luar Negara British. Dengan itu kerajaan British bersetuju untuk mengemukakan cadangan itu kepada Bangkok. Cadangan itu kemudian dibawa oleh Strobel kepada Putera Damrong, Menteri Dalam Negeri Siam. Putera Damrong menolak cadangan ini dengan alasan ia akan menjejaskan keutuhan wilayah Siam. Tanpa putus asa, pada 23 November 1907, Strobel membawa cadangan itu terus kepada King Chulalongkorn. Jawapan Chulalongkorn juga tidak memuaskan hati British, baginda menyatakan bahawa baginda hanya bersedia menyerahkan Kelantan dan Terengganu tetapi bukan Kedah (termasuk Perlis dan Setul). Dalam perbincangan seterusnya, Chulalongkorn bersetuju menyerahkan Kedah dan Perlis kepada British tetapi tidak Setul. Katanya Perlis memang dianggap sebahagian daripada Kedah kerana tidak ada sempadan jelas antara keduanya, akan tetapi Setul yang jauh ke utara mempunyai sempadan fizikal yang jelas yang merupai banjaran gunung. Di samping itu penduduknya dikatakan hanya 60 pertas yang beragama Islam ( F.O., 422/61, Becket kepada Grey). Dengan itu Chulalongkorn keberatan menyerahkan Setul kepada Britain. Dalam telegramnya kepada Pejabat Luar, Paget menyatakan: *“Kedah will bring us Perlis but Strobel wished to retain Setul. I think we might let the letter go if we can get instead the lower portion of Reman, some atershed of the Pera River and the Langkawi island (these I consider important)”* (C.O., 273/343, Paget kepada F.O., 31 December 1907).

Sungguhpun Strobel beriya-nya mahukan Setul dimasukkan sekali, tetapi Paget tidak begitu berminat. Dalam suratnya kepada Grey, Paget menyatakan bahawa:

*“Setul would not be of no great value to us, and although we might no doubt put forward a very good claim to it as part of Kedah and secure it by insistence, I am inclined to think it would be more politic to turn our claim to account by agreeing to renounce Setul if the Siamese Government will in its stead hand over to us the Lang-kawi islands and that porti 161 Raman[Reman]. Which comprises the watershed of the Perak River? Both these would con: more valuable possessions to us than Setul. The Langkawi Islands furnish magnificent anchorages and as such have been conveted by various foreign powers; whist the lower part of Reman is rich in tin.”*(F.O., 422/61, Paget kepada F.O., 31 December 1907).

Setelah tuntutan terhadap Setul tidak dipersetujui oleh pihak Siam, British mengalihkan pandangan kepada Legeh dan Reman. Pada 25 Januari 1908, satu perbincangan diadakan dengan pihak Siam. Dalam perbincangan tersebut Paget mengemukakan hasrat kerajaan British untuk mendapatkan Pulau Langkawi dan juga legeh Sungai Perak sebagai ganti Setul. Setelah

berbincang dengan Chulalongkorn dan Putera Damrong, Jens Westerngard, pengganti Strobel kerana Strobel mati mengejut pada awal Januari 1908, menyatakan kepada pihak British bahawa Bangkok bersetuju untuk menyerahkan *Lower Rahman* (Reman Hilir) dan Pulau Langkawi kepada Britain dengan syarat kerajaan British bersetuju untuk memberi pinjaman bagi tujuan pembinaan keretapi atas kadar 3 ¾ % (F.O., 422/62, Paget kepada Grey, 30 Januari 1908).

Selepas ini persoalan kemasukan Setul ke dalam wilayah yang dikuasai British tidak berbangkit lagi. Justeru itu pada 10 Mac 1909 dengan rasminya kerajaan British menandatangani satu perjanjian dengan pihak Siam di Bangkok yang dikenali sebagai Perjanjian Great Britain – Siam 1909 (*Anglo Siamese Treaty* atau *Treaty of Bangkok*). Dengan itu teragihlah Negeri-Negeri Melayu Utara kepada dua bahagian; Perlis, Kedah, Ulu Perak (Hilir Reman), Kelantan dan Terengganu kepada pihak British manakala Setul, Reman, Legeh dan Patani kekal di bawah jajahan Siam. Dalam perbincangan dan pengagihan negeri-negeri Melayu ini, tidak seorangpun raja Melayu yang turut serta.

## Kesimpulan

Perjanjian 1909, memecah belahkan negeri-negeri Melayu. Patani, Yala dan Naratiwat kelihatan terus berjuang untuk membebaskan dirinya daripada penjajahan Siam, namun bukan Setul. Setul sebagai sebuah negeri *breakaway state* tidak bertindak atau berusaha langsung untuk kembali bergabung dengan wilayah-wilayah Melayu di selatannya. Ia seolah-olah berasa selesa di bawah pentadbiran Bangkok, walaupun akhirnya identiti Melayu mereka terancam. Di bawah *Dasar Thesapiban*, yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Pibul Songgram (1939-1944), yang cuba mengsiamkan kesemua penduduk Thailand termasuk orang Melayu, penduduk Setul mula mengubah identiti mereka. Walaupun mereka tetap beragama Islam namun budaya mereka kesiaman dan kini hampir 99% daripada mereka tidak lagi boleh bertutur bahasa Melayu. Kini mereka lebih senang dipanggil *Thai Muslim* daripada *Thai Malay*. Dengan itu hilanglah satu bangsa yang dahulunya gagah dan berdaulat kesan daripada penjajahan dan kelemahan diri sendiri.

## Rujukan

C.O., 273/330, Telegram Paget kepada John Anderson 27 Mac 1907.

C.O., 273/340, Surat Paget berkaitan Perjanjian British-Siam.

C.O., Fail 341/273, Siamese Rule in Patani.

C.O., 273/343, Paget kepada F.O., 31 December 1907.

F.O., 422/62, Paget kepada Grey, 30 January 1908.

F.O., 422/61, Strobel kepada Paget.

F.O., 422/61, Paget kepada Grey, 29 April 1907.

F.O., 422/61, Becket kepada Paget.

F.O. 422/61, Backet kepada Grey.

F.O., Paget kepada Grey, 27 February 1908.

Francis Light Letters. MS 40320. S.O.A.S., University of London

---

Abdullah Long Puteh. (1958). *Sejarah Negeri Setul, Thailand*. Satun, Thailand.

Khan G.M.. (1958). *History of Kedah*. Pulau Pinang, Penang Premier Press Co. Ltd. Penang.

- Kobkua Suwannathat-Pian. (2008). "National Identity, the "Sam-Sams" of Satun, and the Thai Malay Muslims", dlm. Michael J. Montesano & Patrick Jory. (ed.), dlm. *Thai South and Malay North: Ethnic Interaction on a Plural Peninsula*. Singapore, NUS Press.
- Mohd Yusoff Hashim (ed.). (1980). *Syair Sultan Maulana*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Hassan bin Tok Kerani Muhammad Arshad. (1968). *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sharom Ahmat. (1971). "Kedah-Siam Relations, 1821-1905." *Journal of Siam Society*, 59: 97-117.
- Tengku Sepora binti Tengku Mahadi. (2003). "Ku Din bin Ku Meh, "The Devoted King"-A Biography." Paper presented at the Shared Histories Conference, Penang, 30 July-5 August.
- Thanet Aphornsuvan. (2008). "Origin of Malay Muslim "Separatism" in Southern Thailand", dlm. *Thai South and Malay North: Ethnic Interaction on a Plural Peninsula*. Michael J. Montesano & Patrick Jory (ed). Singapore, NUS Press.
- Wan Shamsudin bin Moh Yusof. (1985). *Sejarah Kerajaan Melayu Setul "Mambang Segara"*. Alor Setar. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah.